

Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden

Understanding and Application of Sociology of Literature in Modern Malay Literature

UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR

ABSTRAK

Dalam konteks kesusasteraan Melayu, konsep sosiologi sastera umumnya terbahagi kepada tiga bentuk pemahaman dan penerapan. Pemahaman pertama bertolak daripada andaian bahawa teks sastera bebas daripada tuntutan dan pengaruh persekitaran. Justeru, kajian dipusatkan kepada teks semata-mata dan ditumpukan kepada usaha menyerlahkan gambaran masyarakat fiktif seperti yang tertera dalam teks yang dikaji. Kajian seperti ini tidak jauh berbeza daripada kajian intrinsik yang lumrah ditemui; hanya ianya kini ditumpukan kepada gambaran masyarakat dalam teks sastera. Pemahaman kedua menghujahkan bahawa persekitaran mempunyai kaitan yang penting dengan karya yang terhasil. Justeru, kajian menganalisis dinamika antara teks dengan konteksnya dan bagaimana konteks tersebut mempengaruhi karya yang terhasil daripada segi isi dan bentuknya. Pemahaman ketiga, yang juga meyakini eratnya jalinan antara persekitaran dan karya, lebih menjurus kepada penggunaan sesuatu paradigma tertentu untuk mengkaji permasalahan yang dibangkitkan dalam teks sastera. Secara bandingan, pemahaman pertama adalah jauh lebih dominan dan merupakan 'ilmu' tentang sosiologi sastera yang dianuti dan diamalkan dalam sastera Melayu.

ABSTRACT

The concept of sociology of literature in Malay literature in the main is divided into three main categories of understanding and application. The first category - based on the assumption that literature is both ahistorical and asocial - sees a critical study as necessarily confined to scrutinising the literary text only and to highlighting the fictive world evoked in the text studied. To the extent that it restricts itself to the social world in the text, this approach is not dissimilar to the intrinsic method so favoured by Malay critics. The second category, premised on the existence of a significant relationship between a text and its context, strives to highlight the dynamics between the two, especially the influence of the latter on the content and form of the finished work. The third category, similarly persuaded, nevertheless sees the need to locate a literary text within a particular paradigm to best understand the social preoccupations that it addresses. Comparatively speaking, the first category dominates the

Malay literary world and serves as its “knowledge” of what constitutes sociology of literature and its application in critical studies.

MUKADIMAH

Dalam makalahnya yang ditulis pada tahun 1975 berjudul ‘Sosiologi Sastera Dan Sumbangannya Dalam Penelitian Kesusasteraan Malaysia’, A Rahman Yusof menegaskan, ... tokoh yang tak bisa diabaikan bila berbicara tentang sosiologi sastera dalam kesusasteraan Melayu moden ialah Kassim Ahmad... Seorang lagi kritikus yang menarik bila membicarakan sosiologi sastera di tanahair kita dewasa ini ialah Pena Patriot ... (Abdul Rahman 656-658). Sementara itu Sahlan Mohd. Saman (1997) dalam makalahnya ‘Teori Sastera Melayu: Satu Perbandingan’ terbitan Dewan Sastera menulis ... Antara pendekatan penting (secara kronologis) yang terserlah dalam catatan sejarah kita adalah: pendekatan formalistik, pendekatan tekstual, pendekatan sosiologis... Seterusnya, Sahlan memberi tiga nama untuk “kelompok” sosiologis, iaitu Kassim Ahmad, Ramli Isin [dan] Ungku Maimunah Mohd. Tahir.

Hakikat bahawa kedua-dua makalah yang dirujuk di atas menamakan Kassim Ahmad untuk mewakili penganut ‘sosiologi sastera’ (oleh A Rahman Yusof) dan penganut ‘pendekatan sosiologis’ (oleh Sahlan Mohd. Saman) memberi implikasi bahawa kedua-dua istilah tersebut, iaitu ‘sosiologi sastera’ dan ‘pendekatan sosiologi’ adalah sinonim. Dengan kata lain, ‘pendekatan sosiologis’ dipersepsikan sama dengan ‘sosiologi sastera’.

Sehubungan ini juga, mungkin sesuai dengan penekanan makalahnya yang membicarakan tentang teori sastera Melayu, Sahlan Mohd. Saman tidak memperincikan apakah ciri-ciri persamaan tulisan-tulisan Kassim Ahmad, Ramli Isin dan Ungku Maimunah Mohd Tahir, yang mendorong beliau menggolongkan mereka sebagai penganut ‘pendekatan sosiologis’. Juga, tidak ketara dalam makalah ini ialah sama ada ketiga-tiga penulis ini ada memperlihatkan apa-apa perbezaan, sama ada dari segi orientasi, penekanan atau sebagainya.

Bertolak dari penggolongan beberapa nama dalam satu kelompok yang sama yang dikaitkan dengan ‘pendekatan sosiologis’ atau ‘sosiologi sastera’, makalah ini bertujuan melihat fahaman dan penerapan ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden, di samping menyerlahkan perbezaan atau persamaan yang ketara, jika ada.

MENGENAI SOSIOLOGI SASTERA DALAM SASTERA MELAYU MODEN

Seperti yang dijelaskan di atas, hakikat bahawa A Rahman Yusof dan Sahlan Mohd. Saman menggunakan istilah yang berlainan untuk merujuk tulisan orang yang sama (iaitu Kassim Ahmad) menunjukkan bahawa dalam konteks sastera

Melayu moden apa yang dikatakan ‘sosiologi sastera’ itu dikenali dengan lebih daripada satu nama. Atau, ‘sosiologi sastera’ itu menawarkan fahaman yang berbeza-beza di kalangan penulis dan peneliti sastera Melayu moden.

Sesungguhnya, kajian tentang ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden menyerlahkan satu pengamatan yang menarik. Hal ini adalah kerana penggunaan pelbagai istilah atau ungkapan yang rata-rata dimaksudkan sebagai ‘sosiologi sastera’. Ada tulisan umpamanya yang secara sedar memperagakan dirinya sebagai ‘sosiologi sastera’. Ini kelihatan pada tajuk seperti ‘Gambaran Masyarakat Dalam Novel ABCD: Satu Kajian Sosiologi Sastera’, atau tajuk seperti ‘Kajian Novel ABCD: Satu Pendekatan/Interpretasi Sosiologi’ (berbeza daripada ‘sosiologis’ yang digunakan oleh Sahlan Mohd. Saman) dan sebagainya. Selain itu terdapat juga tajuk seperti ‘Gambaran Masyarakat Dalam Novel ABCD’ atau ‘Novel-novel Si Polan: Satu Tinjauan Masyarakat’ atau tajuk-tajuk seumpama itu yang menyerlahkan orientasi dan penekanan kajian yang sama seperti tulisan yang memperagakan ‘sosiologi sastera’ secara terang-terangan. Seterusnya, Umar Junus (1986) menulis, antara lain, ‘sosiologi sastera’ ialah “melihat karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya, yang mencerminkan satu zaman.” Dengan kata lain, dalam konteks sastera Melayu moden berbagai-bagai istilah atau ungkapan digunakan untuk merujuk kepada apa yang difahami, diterima dan disebarluaskan sebagai ‘sosiologi sastera’. Dalam konteks ini jugalah maka istilah ‘sosiologi sastera’ pada tajuk makalah ini ditulis dengan menggunakan tanda kutipan.

Namun, bukanlah tujuan makalah ini untuk menentukan sama ada istilah-istilah tersebut memang sinonim atau sebaliknya, atau menentukan istilah mana yang lebih tepat digunakan, atau memberikan penjelasan mana yang wajar dikaitkan dengan istilah mana, atau pun menghuraikan tiap-tiap istilah itu. Malah, tujuan makalah ini ialah untuk melihat pemahaman dan penerapan ‘sosiologi sastera’ dalam konteks sastera Melayu moden. Secara lebih khusus ia akan meneliti fahaman tersebut sebagai sebahagian kecil, tetapi cukup penting dalam satu proses yang lebih besar lagi, iaitu pembikinan ilmu, khususnya dalam dunia sastera Melayu moden.

Kajian tentang ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden juga menyerlahkan lagi satu perkara menarik. Ini ada kaitan dengan jenis tulisan yang wajar diterima sebagai ‘sosiologi sastera’. Merujuk sekali lagi kepada makalah A Rahman Yusof yang diberi judul ‘Sosiologi Sastera Dan Sumbangannya Dalam Penelitian Kesusteraan Malaysia’. Seterusnya, selain nama Kassim Ahmad dan Pena Patriot, A Rahman juga menjelaskan, ... Ismail Hussein juga banyak menulis rencana-rencana yang dapat digolongkan sebagai sosiologi sastera. Kebanyakan daripada tulisan dan ceramahnya kini telah dikumpul dan dibukukan di bawah judul Sastera Dan Masyarakat... Namun begitu, dalam pembicaraan beliau seterusnya, A Rahman (1975:661) menyimpulkan tulisan Ismail yang banyak memperkatakan tentang... nasionalisme Melayu ... sastera bukan elitis ... keperluan masyarakat tani ... agraria itu” lebih merupakan *sociology of literature*

daripada satu studi kesusasteraan yang sebenarnya. Kita berat mengatakan demikian kerana sepanjang tulisan Ismail selama ini beliau cuma membicarakan unsur-unsur ekstrinsik dalam kesusasteraan dan jarang atau hampir-hampir tiada menyentuh karya kesusasteraan itu sendiri. Ismail juga lebih senang membicarakan isi sosial kesusasteraan daripada menyentuh bentuk estetiknya...

Dua perkara timbul daripada perkara ini. Pertama, tidakkah ungkapan Inggeris *sociology of literature* yang A Rahman gunakan dalam makalah beliau itu, dalam bahasa Melayunya ialah ‘sosiologi sastera’? Justeru, tidakkah tulisan Ismail itu ‘sosiologi sastera’? Kedua, kalau tulisan Ismail Hussein bukan sosiologi sastera, mengapa pula tulisan beliau dibincangkan dalam makalah yang mempertatkan tentang ‘sosiologi sastera’. Untuk berlaku adil kepada A Rahman Yusof, makalah beliau ada menjelaskan takrif ‘sosiologi sastera’, dan makalah tersebut rata-rata berusaha untuk memperkenal dan seterusnya menggalak pengkritik tempatan untuk menggunakan pendekatan ‘sosiologi sastera’. Kemasukan tulisan Ismail Hussein dalam perbincangan itu bolehlah dilihat sebagai contoh tulisan yang tidak dianggap sebagai ‘sosiologi sastera’, khususnya ‘sosiologi sastera’ yang ingin disyorkan oleh A Rahman.

Apa yang dapat disimpulkan daripada tulisan A Rahman ialah ‘sosiologi sastera’ yang dimaksudkan lebih berpusat kepada penelitian dan penilaian karya sastera atau yang berkaitan dengannya. Tulisan-tulisan yang pada matlamat akhirnya tidak menjurus kepada karya sastera tidak dapat dianggap sebagai ‘sosiologi sastera’. Makalah ini juga cenderung melihat tulisan-tulisan kritikan sastera seperti ini.

Sehubungan itu, makalah ini akan menyerahkan beberapa fahaman ‘sosiologi sastera’ yang dominan. Ini tidak menafikan mungkin adanya fahaman yang lain yang merupakan gabungan fahaman yang diperkatakan atau sebagainya. Begitu juga dalam mengemukakan contoh-contoh tulisan ‘sosiologi sastera’, makalah ini tidak akan menyentuh soal seperti sejauh manakah tulisan-tulisan tersebut telah memanfaatkan atau berlaku adil kepada bentuk ‘sosiologi sastera’ yang diwakilinya, atau sejauh manakah ia “berjaya” sebagai contoh baik sesuatu bentuk tulisan. Bagi tujuan makalah ini, apa yang penting ialah tulisan-tulisan tersebut memperlihatkan sesuatu fahaman tentang ‘sosiologi sastera’ dalam kesusasteraan Melayu moden. Seterusnya, istilah penggolongan yang digunakan adalah istilah penulis sendiri yang digunakan untuk memudahkan perbincangan. Namun begitu, penggunaan istilah tersebut bukanlah secara rambang tetapi disasarkan kepada ciri-ciri yang lumrah diamati dan dapat diajukan sebagai ciri dominan bentuk tulisan tersebut. Begitu juga contoh tulisan yang digunakan telah dipilih kerana difikirkan dapat menyerahkan ciri yang diperkatakan dengan jelas, dan justeru dapat mewakili bentuk yang dibincangkan.

Pada dasarnya semua bentuk tulisan yang diperkatakan ini bertolak daripada keyakinan yang sama, iaitu wujudnya kaitan antara sastera dan masyarakat. Bagaimanakah kaitan itu dipersepsi dan diinterpretasi adalah menjadi tumpuan makalah ini.

SOSIOLOGI SASTERA SEBAGAI GAMBARAN MASYARAKAT (SSSGM)

Satu jalur pemahaman ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden dapat dilihat pada tulisan yang mengandaikan ‘sosiologi sastera’ sebagai gambaran masyarakat seperti yang diserlahkan oleh teks sastera. Penekanan bahawa sastera adalah gambaran masyarakat memang sering didengar. Sehubungan ini, selain daripada pernyataan umum seperti “sastera adalah cerminan masyarakat”, “sastera adalah terjemahan realiti masyarakat” dan ungkapan lain yang seumpamanya, tulisan yang menjelaskan apakah “SSSGM” itu dan kaedah untuk melakukan kritikan teks mengikut fahaman ini boleh dikatakan tidak ada. Ketiadaan tulisan seperti ini menjadi ketara apabila kita melihat bentuk ‘sosiologi sastera’ yang lain. Seterusnya, ketiadaan tulisan ini mungkin dapat difahami apabila kita meninjau lebih lanjut pendekatan ini kemudian nanti.

Hakikat tidak ada atau langkanya tulisan yang membicarakan cara-cara penerapan pendekatan ini tidak pula menghindar kritikan teks yang mengamalkan “SSSGM” itu. Sesungguhnya dalam kritikan sastera Melayu moden bentuk tulisan yang melihat ‘sosiologi sastera’ sebagai gambaran masyarakat seperti yang tertera dalam teks adalah sangat lumrah. Malah, ini boleh dikatakan bentuk kritikan ‘sosiologi sastera’ yang paling dominan sekali dan amat disenangi oleh pengkritik tempatan. Hal ini jelas kelihatan pada tajuk-tajuk makalah yang ditemui dan tidak kurang penting pula pada ratusan latihan ilmiah yang mengkaji “gambaran masyarakat” dalam teks sastera dengan pelbagai tajuk yang diubahsuai, tetapi rata-rata menjurus kepada kritikan ala “gambaran masyarakat”. Dalam konteks pembikinan ilmu khususnya ilmu ‘sosiologi sastera’, ini sangat bererti kerana sistem pendidikan adalah antara prasarana yang memungkinkan penyebaran ilmu dengan berkesan.

Apa yang jelas pada tulisan seperti ini ialah ruang lingkup kajiannya. Rata-rata bagi tulisan bentuk ini, teks sastera sebagai data kajian dianggap lengkap, mencukupi dan memang sewajarnya. Malah kajian tidak boleh keluar daripada teks tersebut. Bagi tulisan bentuk ini elemen ‘sosiologi’nya ialah gambaran masyarakat dalam karya tersebut.

Tulisan bentuk ini menyerahkan andaian tertentu sebagai dasar pemahaman dan kajian. Pertama, kajian seperti ini mengakui kaitan antara sastera dengan masyarakat adalah erat dan tidak dapat dipertikaikan. Ini kerana masyarakat adalah bahan mentah dan sumber ilham sastera, dan sastera seterusnya menyerahkan masyarakat atau realiti masyarakat tersebut dalam ciptaannya. Bertolak daripada pengakuan ini, tulisan bentuk ini memperakarkan pula autonomi sastera dalam erti kata ia melihat proses penghasilan sastera dan teks yang dihasilkan itu bebas daripada tuntutan sosial dan tuntutan kekhususan sejarah. Ini bererti proses penghasilan sastera itu difahami sebagai satu aktiviti yang amat peribadi sifatnya, yang hanya melibatkan penulis dengan bakat dan imaginasi, sementara faktor-faktor lain seperti sejarah, iklim intelektual, cita rasa sastera yang dominan yang mengelilingi penghasilan karya tersebut tidak

turut serta dalam proses ini. Justeru, kerana sifat penghasilannya yang peribadi itulah karya kreatif ini memperagakan seni sebagai keunikannya. Sehubungan itu, maka teks yang dihasilkan juga tidak ada kaitan dengan faktor-faktor di luar karya sastera itu seperti konteks sejarah dan sosialnya.

Lanjutan daripada andaian ini, teks sastera memang wajar dikaji sebagai satu entiti yang sempurna dan mandiri. Seterusnya, andaian ini menekankan kajian teks sastera yang melibatkan faktor-faktor bukan-sastera adalah pencerobohan kepada keutuhan karya tersebut sebagai karya seni, di samping melebur dan menurunkan seni tersebut kepada satu aktiviti sosial semata-mata sama seperti aktiviti sosial yang lain. Justeru, bagi kajian yang berpusatkan teks pembatasan kajian kepada teks semata-mata adalah wajar, dituntut dan bertepatan dengan dinamika dalaman sebuah ciptaan seni.

Sehubungan itu, tulisan-tulisan ‘sosiologi sastera’ seperti ini akan melihat masyarakat seperti yang terpapar dalam teks tersebut, sama ada masyarakat kontemporari atau silam (seperti masyarakat kolonial atau masyarakat semasa perang dan sebagainya). Masyarakat tersebut akan dilihat dari segi susun lapisnya, lembaga-lembaganya seperti lembaga penghulu, kebomohan, kemimpinan agama atau politik, etos masyarakatnya seperti budaya kerja, nilai-nilai yang tertera seperti yang diperlihatkan melalui watak dan peristiwa-peristiwa cerita, dan sebagainya. Sebagai contoh tulisan ‘SSSGM’ membahagikan “gambaran masyarakat” kepada masyarakat bandar atau kota, masyarakat pendalam dan masyarakat desa. Perbincangan tentang masyarakat kota atau bandar, umpamanya, akan menyerlahkan “penemuan” seperti masyarakat kota bersifat individualistik, bermoral rendah, suka bergaya, mementingkan wang ringgit daripada budi bahasa dan sebagainya. Gambaran masyarakat desa pula, umpamanya, menyerlahkan “penemuan” budaya kerja yang berdisiplin, etos pergaulan yang sopan, nilai agama yang tinggi, sistem kepercayaan yang tebal dan sebagainya. Di bawah ini diturunkan contoh tulisan ‘SSSGM’ ini yang dipetik daripada sebuah latihan ilmiah:

Sebilangan besar cerpen yang tersiar dalam majalah Dewan Budaya antara 1989 hingga 1992 memberikan gambaran masyarakat pendalam yang mana sebilangan besarnya masih menghadapi kemiskinan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Contohnya dalam cerpen “Adai Sang Puteri” masyarakat keseluruhannya adalah buta huruf dan tidak mengenal kemajuan dan pembangunan.

Masyarakat kampung tersebut dari zaman nenek moyang hidup dalam suasana sedemikian. Kampung tersebut hanya memiliki sebuah balairaya yang juga terbiar tanpa terurus. Penduduk tersebut menjalankan kehidupan sehari-hari mereka dengan hasil hutan seperti binatang buruan, rotan sega dan akar-akar kayu. Mereka menjual hasil hutan...

Walaupun tidak berpelajaran namun masyarakat pendalam memang bertungkus-lumus bekerja siang malam untuk menampungi keluarganya. Watak Lias dalam cerpen ini mempunyai empat orang... Lias... berusaha sedaya-upaya untuk meninggikan taraf hidup mereka... (Thana Lechumy 1994: 136-37).

Sehubungan ini, teks yang dikaji dimanfaatkan sebagai himpunan data tentang masyarakat, sementara aspek estetika teks tersebut sebagai sebuah karya kreatif menjadi sekunder dan jarang sekali ditekankan. Ini kerana gambaran masyarakat itulah yang menjadi tumpuan kajian, sesuai dengan penekanan “sosiologi” kajian tersebut. Tidak dinafikan ada tulisan bentuk kajian ‘sosiologi sastera’ seperti ini yang membuat penilaian estetika. Dalam soal ini pengkritik akan melihat sejauh mana “masyarakat” yang digambarkan itu menyakinkan, atau bertepatan dengan realiti sebenar, dan sejauh mana gambaran tersebut telah memanfaatkan elemen-elemen penceritaan seperti latar, watak, dan dialog untuk “menghidupkan” masyarakat fiksi itu. Namun, tulisan yang memberi nilai estetika seperti itu tidak merupakan norma bentuk tulisan SSSGM ini. Ini kerana pendekatan ‘sosiologi sastera’ seperti ini mewajarkan kajian yang hanya melihat dan menggali elemen-elemen masyarakat dan kemasyarakatan dalam dunia cereka yang disajikan.

Sesungguhnya bentuk tulisan seperti ini adalah sebahagian daripada bentuk tulisan yang berfokuskan teks atau text-centred. Dalam istilah sastera, pendekatan ini sering juga dipanggil kajian intrinsic atau juga formalistic. Ini adalah pemusatkan kepada aspek-aspek dalaman teks yang lumrahnya dibahagikan kepada dua komponen besar, iaitu isi dan bentuk atau juga dipanggil tema dan struktur (Scott 1962). Seterusnya, bagi aspek bentuk, kajian menekankan aspek “stail” atau “teknik” penceritaan seperti perlambangan atau simbol, plot, dan sudut pandangan. Bagi tema atau isi pula, ini diperincikan kepada aspek moral, ekonomi, politik dan sebagainya. Tulisan bentuk intrinsic seperti ini dianggap sebagai ‘sosiologi sastera’ apabila isi yang menjadi tumpuannya itu ialah tentang “masyarakat”. Justeru jugalah tulisan ‘sosiologi sastera’ seperti ini tidak memberi penekanan kepada aspek bentuk (melainkan, umpamanya, aspek bahawa daerah sebagai cara untuk menghidupkan suasana authentic masyarakat yang digambarkan) kerana “sosiologi” yang dieprsepsikan ialah soal gambaran masyarakat dan bukan teknik-teknik bagaimana masyarakat itu digambarkan.

Sehubungan itu, kadangkala bentuk tulisan seperti ini ada memasukkan faktor-faktor luar seperti latar belakang pengarang khususnya pendidikannya, dan sejarah zaman, iaitu perkara-perkara yang di luar teks sastera atau maklumat bukan-sastera. Kemasukan maklumat bukan-sastera ini biasanya berfungsi sebagai “latar belakang”, dan perbincangan ‘sosiologi sastera’ teks tersebut tidak perlu meperlihatkan kaitan atau dinamika antara faktor bukan sastera itu tadi dengan teks yang dikaji kerana sesuai dengan andaian keunikan seni teks tersebut.

Oleh kerana tulisan SSSGM ini adalah sebahagian daripada bentuk kritikan teks yang memang sudah kukuh, maka tidak hairanlah tulisan tentang apakah SSSMG itu dan kaedah penerapannya itu boleh dikatakan tidak ada ditemui. Ini kerana ia mungkin bertolak daripada andaian bahawa ia sudah diketahui umum lantaran sudah menjadi “tradisi” kritikan sastera. Di samping itu, kajian SSSMG ini tidak berbeza daripada kajian bentuk kritikan teks yang lain yang menekankan

“isi”; hanya fokus isi tersebut saja perlu dipastikan agar berligar pada soal masyarakat dan gambarannya.

Kehadiran bentuk tulisan SSSMG sebagai tulisan yang lumrah dan disenangi menjadikannya pemahaman dan penerapan ‘sosiologi sastera’ yang penting dalam kesusasteraan Melayu moden. Seterusnya, kehadirannya ini penting dalam konteks pembikinan ilmu dan prosesnya.

SOSIOLOGI SASTERA SEBAGAI KAITAN TEKS DAN KONTEKS

Bentuk kedua melihat kaitan sastera dan masyarakat daripada perspektif yang berbeza. Tidak seperti bentuk pertama, bentuk tulisan ini tidak menumpukan perhatiannya kepada teks sahaja tetapi dengan sengaja keluar daripada teks untuk mencari “maklumat” luar sebagai sebahagian dari tuntutan kajiannya. Bagi bentuk ini, komponen “sosiologi” kajiannya terletak pada menyerlahkan kaitan yang terjalin secara aktif antara teks dan konteksnya. Justeru, kajian bentuk ini memerlukan maklumat tambahan yang bakal digembeleng dalam kajian teks sastera. Pemahaman seperti ini bertolak daripada andaian tertentu seperti yang akan dilihat di bawah ini.

Tidak seperti bentuk tulisan pertama, bagi bentuk pemahaman kedua ini terdapat tulisan yang memperkatakan apakah yang dimaksudkan dengan Sosiologi Sastera sebagai Kaitan Teks dan Konteks (SSSKTDK) dan juga kaedah penerapannya. Tulisan bentuk ini, umpamanya, dapat diwakili oleh tulisan-tulisan Abdul Rahman Embong dan Ungku Maimunah Mohd. Tahir. Seperti yang akan dilihat di bawah nanti, selain daripada persamaan, tulisan penulis-penulis tersebut juga memperlihat akan perbezaan dari segi orientasi, penekanan dan juga tujuan.

Seperti yang dikatakan di atas, pemahaman ini menuntut agar kajiannya memanfaatkan teks sastera dan juga maklumat di luar teks tersebut. Ini kerana di samping menghayati dimensi seni sesebuah ciptaan sastera, pemahaman ini juga melihatnya sebagai terhasil dalam konteks sosio-sejarah yang turut mewarnai penghasilannya itu. A Rahman Embong (1967) umpamanya, menegaskan:

Karya penulis adalah pencerminan masyarakat zamannya; satu kelahiran masalah-masalah manusia, penderitaan, persoalan-persoalan peribadi yang rumit, harapan dan cita-cita. Sungguhpun begitu, oleh kerana karya sastera dilahirkan dari kenyataan dan bertindak pada kenyataan zaman itu pula, nyata sekali akan timbul atau sudah pun timbul kumpulan-kumpulan masyarakat yang mempengaruhi atau membentuk isi, cita-cita, aliran dan lain-lain dalam sastera itu; dan seterusnya pandangan dan anggapan mereka terhadap karya itu akan menjadi satu tanda ukur terhadap jaya tidaknya karya tersebut.

Jadi, kaitannya gejala kesusasteraan ini dari dua segi: Pertama, dari pencerminan atau pancaran dalam karya-karya itu sendiri; kedua, pengaruh-pengaruh luar (sosial, ekonomi, politik) seperti kumpulan kritik, pihak penerbit, golongan pembaca, kumpulan penulis sendiri dan lain-lain. Dari kajian sosiologi, sudut kedua ini lebih penting.

Pandangan sedemikian terdapat juga dalam beberapa tulisan beliau yang lain (Abdul Rahman 1967b, 1968).

Dalam tulisan beliau yang terkini, sungguhpun dalam konteks yang lain, pendirian ini menjadi lebih lunak apabila beliau menganjurkan:

Secara keseluruhannya, data yang digunakan ahli sosiologi bukan semata-mata karya sastera, tetapi juga data sosioekonomi, politik, ideologi dan sejarah masyarakat sezaman supaya dia dapat menganalisis karya sastera itu sebagai produk sosial dan sebagai satu komponen dalam sistem idea sosial. Namun, memang sudah nyata bahawa teori sosiologi yang lebih bermakna dalam pengkajian sastera, lebih-lebih lagi teks sastera bukannya teori yang terlalu kuat orientasi positivisnya, tetapi teori yang berorientasi interpretif dan fenomenologi. Ini kerana sastera mempunyai ciri-ciri khususnya sendiri sebagai komponen bidang kemanusiaan. (A Rahman Embong 1997:16)

Begini juga, Ungku Maimunah (1988) berpendapat bahawa:

“Sastera” dan “kesasteraan” menjadi sejagat, bebas daripada ikatan ruang dan waktu yang tertentu ... Kategori pemahaman seperti ini tentu sekali sukar berhadapan dengan kategori pemahaman alternatif, yang menegaskan bahawa “sastera” dan “kesasteraan” bukan hasil proses yang peribadi semata-mata tetapi dipengaruh dan dibentuk oleh proses yang luas, yang melibatkan peribadi penyair dan juga faktor-faktor di luar dirinya. Seterusnya, kategori pemahaman ini mengatakan bahawa proses penentuan (menerima/menolak) sesuatu itu sebagai “sastera” dan “kesasteraan” tidak ditentukan oleh komponen intrinsik semata-mata, tetapi dipengaruhi dan dibentuk oleh gejalan-gejala di luar teks itu sendiri. Dengan kata lain, dasar kategori pemahaman ini ialah dinamika interaksi teks dan konteks yang menuntut supaya teks ditempatkan dalam konteks sosio-sejarahnya yang tertentu. Pendapat yang sedemikian juga diungkapkan dalam karya beliau yang lain (Ungku Maimunah 1985, 1987, 1993).

Apa yang jelas ialah tulisan bentuk ini bertolak daripada sejumlah andaian bahawa sastera dan proses penciptaannya tidak bebas daripada tuntutan ruang dan waktu. Ini kerana terlepas daripada keunikan sastera sebagai ciptaan seni, iaitu keunikan yang diakui oleh pemahaman ini, sastera masih tetap dihasilkan dalam persekitaran yang tertentu. Justeru itu dimensi sosial ini tidak boleh dikesampingkan. Bertolak daripada andaian inilah bentuk pemahaman ini tidak menghadkan batasan datanya kepada teks sahaja, tetapi mengambil kira faktor-faktor di luar teks sastera. Sehubungan itu, bagi tulisan seperti ini elemen “sosiologi”nya terletak pada interaksi dan dinamika konteks ini ke atas teks sastera. Kemasukan faktor luar ini berbeza daripada fahaman bentuk pertama yang juga memasukkan maklumat luar teks (sebagai latarbelakang), tetapi tidak menyerlahkan apakah dan lebih penting lagi, bagaimanakah faktor luar ini mencorak isi dan bentuk karya yang dikaji.

Lanjutan daripada penekanan yang berbeza daripada ‘sosiologi sastera’ bentuk pertama, terdapat tulisan yang cuba mengupas kaedah penerapan pemahaman ini dalam kajian teks sastera. Ini, umpamanya, dapat dilihat dalam tulisan Ungku Maimunah (1996), yang memberi contoh lima faktor yang dianggap penting dalam penelitian ‘sosiologi sastera’ teks Melayu moden, iaitu faktor

ideologi, ekonomi, institusi, budaya dan konvensi sastera. Menurut beliau, contoh tersebut tidak menyeluruh tetapi sekadar menunjukkan cara bagaimana faktor-faktor kontek mempengaruhi isi dan bentuk teks yang dihasilkan. Begitu juga, walaupun A Rahman Embong tidak membekalkan panduan penerapan bentuk SSSKTDK, namun tulisan-tulisan beliau melakarkan bagaimana bentuk tulisan seperti ini dapat diterapkan dengan contoh-contoh faktor yang pelbagai. Malah, mungkin kerana disiplin pengajiannya ialah sosiologi, A Rahman Embong (1967a) lebih peka kepada perincian faktor-faktor yang perlu diambil kira.

Walaupun tulisan tentang SSSKTDK dan cara-cara penerapannya ada, namun kritikan teks yang memperlihatkan dinamika teks dan konteks seperti yang ditekankan oleh fahaman bentuk ini sedikit sahaja. Ini lebih-lebih lagi terasa apabila dibandingkan dengan tulisan ‘sosiologi sastera’ bentuk pertama yang begitu besar jumlahnya. Sehubungan ini, tulisan-tulisan seperti ini cuba menyerlahkan mediasi faktor-faktor di luar teks ke atas teks khususnya dari segi isi dan bentuknya. Oleh kerana teks sastera dilihat sebagai karya sastera (dan bukan data empiri semata-mata), maka penilaian biasanya dikenakan ke atas teks tersebut, iaitu sama ada memuaskan sebagai karya kreatif atau sebaliknya. Ada juga tulisan bentuk ini yang tidak membuat penilaian, dan menumpukan perhatian kepada penyerahan kaitan antara teks dengan konteks sahaja.

Tulisan bentuk ini, umpamanya, dapat dilihat dalam makalah Ungku Maimunah (1994), yang membicarakan novel-novel yang telah memenangi beberapa peraduan menulis “Novel Islam”. Makalah tersebut telah cuba menyorot novel-novel tersebut sebagai hasil satu konteks yang spesifik, iaitu peraduan yang memang mengiklankan penyertaan “novel Islam”, di samping suasana yang mengelilingi peraduan-peraduan tersebut yang rancak dengan wacana “sastera Islam”. Antara lain, makalah tersebut menyimpulkan:

It is worth repeating that in light of the context in which the novels were produced, in particular the pervasive dakwah orientation and the Islamic literaure discourse, the philosophical underpinning which points to man’s dual roles [sebagai hamba dan khalifah di muka bumi] is crucial, for they constitute the crux of his human activities and concerns... These two crucial roles are manifested in various thematic preoccupations in the novels ... As mentioned above, the examples cited do not claim to exhaust the devices used ... their discussion is intended to draw attention to particular narrative devices evident in the novels studied. Further, their persistence in several winning entries of Islamic Novel Writing Competition over several years would suggest their importance in the conception of an Islamic novel. This contention is strengthened by Mohd. Affandi Hassan’s open recommendation of the sermon as a legitimate narrative device. All these would point to the presence of conventions regarded as suitable and appropriate for Islamic novels, and employed as such. In the context of the question of morality and salvation in the novels studied, these devices serve to facilitate its exposition in fictive terms. (Ungku Maimunah 1994: 86-92)

Rata-rata walaupun bentuk tulisan ini tidak dominan, namun ia merupakan satu lagi jalur yang turut memperkayakan dunia kritikan sastera Melayu moden.

SOSIOLOGI SASTERA SEBAGAI PENILAIAN PARADIGMA TERTENTU

Tidak seperti tulisan bentuk pertama (SSSGM), tulisan bentuk ketiga tidak membataskan dirinya kepada teks saja. Bentuk ketiga menjangkau keluar daripada teks untuk membuat kajian ke atas teks sastera. Dari segi ini bentuk ini memperlihatkan kesamaan dengan bentuk kedua dari segi ruanglikup data yang lebih terbuka. Namun begitu, tidak seperti bentuk kedua, bagi bentuk ketiga ini elemen “sosiologi”nya sering dikaitkan dengan sesuatu fahaman tertentu tentang masyarakat dan nasibnya, khususnya dalam konteks penilaian sastera.

Sama seperti SSSKTDK, terdapat tulisan-tulisan yang memperkatakan tentang apakah yang dimaksudkan dengan SSSPPT dan kaedah bagaimana ia boleh diterapkan. Tulisan-tulisan tersebut terserlah dalam beberapa makalah Kassim Ahmad dan Pena Patriot.

Seperti yang dijelaskan di atas, bentuk ini menuntut agar kajiannya memanfaatkan teks sastera dan juga maklumat di luar teks sastera tersebut. Ini kerana pemahaman ini mengandaikan sastera mempunyai tanggungjawab sosial dan politik, dan tanggungjawab ini dapat ditentukan menurut kerangka sesuatu fahaman tertentu. Lanjutan dari hujah ini, penilaian berjaya atau gagalnya sesebuah teks sastera sebagai karya kreatif selalunya dipadankan menurut kerangka fahaman tersebut. Sehubungan ini, Pena Patriot (1973:3) menerangkan andaian tersebut. Pertama, beliau menolak pandangan yang mengatakan “... Literary works are the ‘independent expression’ of writers, and that the latter are ‘free from ... politics’”.

Seterusnya, beliau menjelaskan

The artistic forms, methods and styles of literary creation are meant to facilitate the consistent and cogent exposition of idea-content in a concentrated fashion and at higher level, and to give it the greatest possible social and political effect by using various artistic techniques. Both are part of an integral whole. To consider the forms, methods and styles as primary, and idea-content secondary in literary criticism and appreciation, or to analyse the former apart from the latter, is at best a reflection of muddled thinking ...

Sehubungan ini juga, dalam makalah yang sama beliau menegaskan perihal pentingnya kritikan sastera tidak memisahkan karya sastera daripada isu politik, iaitu isi kandungan dan fungsi sosio-politiknya.

Lanjutan dari penekanan kepada tugas sosial dan politik sastera dan penilaian sastera secara keseluruhannya, Pena Patriot (1973:3) mengajukan satu kerangka pemikiran yang menekankan peranan kuasa besar dunia serta pengaruh serta tekanan politik dan ekonomi yang dapat mereka gembeleng dalam menentukan sejarah dan nasib masyarakat miskin.

The main problems confronting our people of all nationalities in the country today are caused by Anglo-US imperialism and neo-colonialism which are supported internally by

compradore-bureaucrat capitalism and feudalism, whose representatives consist of individuals of all nationalities. This is the root cause for the backwardness, poverty, discontent and degradation faced by our people and country. Idealist and metaphysical writers, however, play up secondary issues such as race, technology, attitudes, customs and superstitions, natural forces, etc. as the main problems, and in so doing, they divert people's attention away from the principal issue mentioned above [iaitu imperialism Inggeris-Amerika].

Atas dasar pegangan inilah Pena Patriot menilai novel-novel Shahnon seperti *Rentung*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Perdana* dan *Menteri* sebagai novel-novel yang gagal kerana tidak menyerlahkan sebab-akibat penderitaan masyarakat bawahan kerana keterlibatan kuasa-kuasa besar dan konco-konconya. Begitu juga, bertolak dari kerangka pegangan yang rata-rata sama juga Kassim Ahmad menolak *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai novel yang gagal dalam makalahnya dengan judul yang eksplisit “*Pesimism Sepanjang Jalan*”. Bahkan menurut Kassim, watak Lahuma dan keluarganya dalam novel itu harus diberi kemenangan di akhir cerita kerana destinasi mereka akan memihak kepada mereka.

Apa yang jelas ialah dalam mengapresiasi sastera bentuk tulisan SSSPKT ini tidak menghadkan kajiannya kepada teks sastera saja, tetapi megaitkannya dengan satu kerangka fahaman yang tertentu tentang masyarakat serta nasibnya dan peranan kuasa-kuasa besar dalam penentuan nasib ini.

Sama seperti tulisan SSSKTDK, bentuk ketiga ini tidak merupakan bentuk yang dominan dalam sastera Melayu moden. Malah dalam sastera Melayu moden boleh dikatakan bentuk ini rata-rata dikaitkan dengan Kassim Ahmad dan Pena Patriot saja. Namun begitu bentuk pemikiran ini penting kerana ia telah sama-sama menyerlahkan satu lagi jalur fahaman terhadap apa yang dikenali sebagai ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden.

KESIMPULAN

Dalam dunia kesusasteraan Melayu moden tulisan ‘sosiologi sastera’ sering dikenali dengan pelbagai nama seperti pendekatan sosiologi, interpretasi sosiologi, gambaran masyarakat dan sebaginya. Seterusnya ‘sosiologi sastera’ rata-rata menerima dan menekankan kaitan antara sastera dengan masyarakat. Terlepas daripada keyakinan asas ini, tulisan ‘sosiologi sastera’ memperlihatkan fahaman dan penerapan yang pelbagai. ‘sosiologi sastera’ difahami sebagai usaha untuk menyerlahkan masyarakat yang digambarkan dalam karya kreatif. Ia juga dilihat sebagai penjelasan dinamika teks sastera dan konteks yang mengelilinginya yang diyakini memainkan peranan dalam penghasilannya. Tidak kurang pentingnya, ia juga dipersepsikan sebagai menempatkan sastera dalam satu kerangka pegangan tertentu dan melihat sejauh mana sastera telah memperakukkan pegangan tersebut. Dalam dunia sastera Melayu moden fahaman dan penerapan pertama sangat dominan dan dengan itu memainkan peranan yang penting dalam pembentukan ilmu, khususnya tentang ‘sosiologi sastera’ dalam sastera Melayu moden.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 1967a. Hubungan Gejala-gejala Masyarakat dengan Ciptaan dan Perkembangan Sastera. *Dewan Sastera*, April.
- Abdul Rahman Embong. 1967b. Watak, Sasterawan dan Masyarakat. *Dewan Bahasa*, Ogos.
- Abdul Rahman Embong. 1968. Inteligensia Melayu Sebelum Perang dalam Hubungan dengan Perkembangan Sastera Melayu Moden. *Dewan Bahasa*, Mac.
- Abdul Rahman Embong. 1997. Permasalahan Teori dalam Sosiologi. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Perbandingan Teori, Tanjung Kling, Melaka.
- Abdul Rahman Yusof. 1975. Sosiologi Sastera dan Sumbangannya dalam Penelitian Kesusasteraan Malaysia. *Dewan Bahasa*, Oktober: 651-664.
- Pen Patriot. 1973. Shahnon Ahamed's Novels: A Critical Evaluation. *Truth* 1(2&3) May-June: 3-6,13.
- Sahlan Mohd. Saman. 1997. Teori Sastera Melayu: Satu Perbandingan. *Dewan Sastera*, Jun: 19-24.
- Scott, W. 1962. *Five Approaches Of Literary Criticism*. Macmillan: London.
- Thana Lechumy A/P Arumugam. 1994. Cerpen-cerpen Dewan Budaya (1989-1992): Satu Analisis Gagasan Utama dan Gambaran Masyarakat. Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan Melayu. Hal.136-137. (Tidak diterbitkan).
- Umur Junus. 1986. *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1985. Definisi Novel Melayu: Menuju Suatu Pendekatan. *Dewan Sastera*, April: 42-43.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1987. Bentuk Dominan Sastera dan Implikasinya Terhadap Fahaman Tentang Estetik Sastera Melayu Moden. *Dewan Sastera*, Julai: 44-46.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1988. Dominasi Kritikan Teks dalam Sastera Melayu Moden. *Dewan Sastera*, Julai: 34-37.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1993. Perihal Kesasteraan Novel Salina: Satu Undangan Untuk Merenung Kembali Tradisdi Kritikan Kita? *Sari* 11: 47-61.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1994. Morality and Salvation in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and 80s. *Akademika* 45(Julai): 79-97.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1995. Kaedah Integrasi dalam Sastera. S Jaafar (ed.). *Penelitian Sastera: Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Ph.D.
Profesor dan Felo Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.